

NO SOALAN :9

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH
(SABAK BERNAM)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.10.2017

Y.B. DATUK HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan program dan projek Kerajaan yang telah dilaksanakan melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dan nyatakan setakat manakah kejayaan NBOS dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesanan serta penjimatan wang Kerajaan dalam pelaksanaan program dan projek-projek Kerajaan berkenaan serta keberhasilannya dari perspektif program transformasi Kerajaan (GTP).

JAWAPAN

Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) adalah merupakan satu strategi pengurusan yang kreatif dan inovatif diadaptasi dari Strategi Lautan Biru (BOS). NBOS mula dilaksanakan dalam perkhidmatan

Kerajaan pada tahun 2009 bertujuan meningkatkan kecekapan system penyampaian Kerajaan.

Semenjak dilancarkan sehingga sekarang terdapat lebih daripada 80 Jabatan/Agensi Kerajaan melaksanakan 115 inisiatif NBOS secara kolaboratif. Hasil kerjasama dalam kalangan Jabatan/Agensi Kerajaan erjaya memecahkan benteng *silos* birokrasi yang sebelum ini memberi kesan kepada kelancaran program-program Kerajaan. Malah melalui kolaborasi kreatif inisiatif NBOS pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan akan lebih mengetahui fungsi masing-masing dengan lebih mendalam dan dengan itu dapat mengelakkan pertindihan fungsi-fungsi agensi.

Contoh terbaik NBOS adalah Pusat Transformasi Bandar (UTC) yang merupakan pusat sehenti (*One Stop Center*) bagi pelbagai perkhidmatan Kerajaan, NGO dan swasta. Inisiatif UTC sangat unik memandangkan ia beroperasi menjangkau waktu operasi biasa (8.30 pagi - 10.00 malam) setiap hari termasuk hujung minggu.

Pada masa ini terdapat 20 UTC di seluruh negara dengan penjimatan pembangunan sebanyak RM2 bilion, memandangkan UTC dilaksanakan dengan mengubahsuai bangunan sedia ada serta tempoh pelaksanaan yang pantas secara purata selama 10 minggu. Sambutan dan permintaan rakyat terhadap perkhidmatan UTC amatlah menggalakkan, di mana sejak tahun 2013, UTC telah memberi perkhidmatan kepada lebih daripada **52 juta orang**

pengunjung.

Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha transformasi Kerajaan (GTP).